

29 MAY 2001

Mahathir-Pemuda (Bergambar)

PM CABAR PEMUDA UMNO LAKSANAKAN TIGA TUGAS

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan tiga cabaran kepada Pergerakan Pemuda Umno bagi mengetahui sejauh mana komitmen Pemuda untuk meneruskan warisan perjuangan Umno.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata satu daripada cabaran itu ialah menyediakan bilik gerakan di cawangan-cawangan.

Dua lagi kerja yang harus dilaksanakan Pemuda Umno ialah berusaha menambah bilangan anggota dan memastikan semua warga pergerakan itu menjadi pemilih berdaftar, kata beliau.

Menurutnya tiada peruntukan disediakan untuk mengadakan bilik-bilik gerakan berkenaan.

"Ini ialah satu ujian praktikal selain daripada melaung-laungkan ungkapan Hidup Melayu... Ia tak begitu romantik tapi kita akan dapat tentukan sama ada Pemuda komited atau tidak," katanya ketika menyampaikan amanat kepada lebih 5,000 anggota Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata beliau akan mengambil kesempatan untuk melawat bilik gerakan Pemuda Umno di peringkat cawangan apabila beliau mengunjungi bahagian Umno di seluruh negara.

Dalam ucapan selama kira-kira sejam itu, beliau mengingatkan anggota Pemuda Umno supaya benar-benar memahami prinsip demokrasi dalam persediaan mereka untuk menjadi pewaris parti dan ini termasuk soal kalah menang dalam pemilihan Umno.

Katanya ini bermakna walaupun ada yang berasa kecewa berikutan keputusan pemilihan peringkat bahagian termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno baru-baru ini, mereka tidak seharusnya mengambil keputusan meninggalkan Umno tetapi sebaliknya meneruskan perjuangan bersama parti.

Dr Mahathir berkata tindakan tegas Umno terhadap anggotanya yang terlibat dalam amalan politik wang harus disokong semua pihak kerana mereka mengamalkan satu budaya negatif di kalangan anggota Umno.

"Tindakan yang diambil mungkin dianggap keras tetapi kerosakan yang mereka lakukan amat besar kepada parti," katanya.

Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini mengesahkan keputusan Lembaga Disiplin parti yang mendapati enam anggota Umno bersalah kerana terbabit dalam politik wang pada pemilihan parti April lepas. Tiga daripada mereka dilucutkan daripada jawatan ketua bahagian.

Perdana Menteri berkata: "Jika wang disalahgunakan untuk mempengaruhi keputusan-keputusan tertentu, kita akan menjadi mangsa kerana terlalu sangat nakkan duit, kita sanggup jual maruah."

"Hari ini kita jual undi dalam pemilihan. Bila ini sudah jadi tabiat, mungkin kita jual undi dalam pilihan raya sehingga akhirnya maruah kita tergadai."

Dr Mahathir juga berkata semua calon yang kalah harus merapatkan barisan dengan memberi sokongan kepada yang menang manakala golongan ini pula tidak harus "mencantas" yang kalah.

Menurutnya, pertandingan untuk jawatan dalam parti tidak boleh dilihat sebagai pertandingan peribadi kerana ia merupakan proses bagi memastikan Umno mempunyai barisan pemimpin cekap dan tidak memikirkan keuntungan diri sendiri.

Beliau berkata generasi muda dalam Umno pasti satu hari nanti akan mewarisi teraju kepimpinan parti tetapi mereka perlu membuat persiapan secukupnya sebelum boleh berbuat demikian.

Selain itu, Dr Mahathir berkata usaha akan dibuat bagi memastikan pemimpin parti di segenap peringkat turun padang untuk mendampingi rakyat.

"Kita akan cuba supaya mereka turun ke bawah tapi kalau nak turun pun, janganlah turun dengan kereta mewah. Kita boleh tinggalkan kereta mewah di rumah. Biarlah nampak lekeh sikit tapi biarlah orang rasa senang untuk berjumpa dengan kita," katanya.

Dalam ucapannya, Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pergerakan itu menyokong langkah pucuk pimpinan parti membanteras gejala politik wang dan meminta tindakan sewajarnya turut diambil terhadap mana-mana anggota Pemuda yang terlibat.

Katanya selain daripada Pemuda, anggota MT, wakil-wakil rakyat dan menteri juga perlu menyalahkan seruan untuk turun padang mendekati rakyat.

"Budaya suka menyalahkan orang lain, dan sering menjadikan Pemuda sebagai sasaran perlu diubah... Kalau kita ikhlas mahu Umno diperkasakan semula, ianya mesti bermula di semua peringkat," katanya.

Hishammuddin juga mahu semua anggota Pemuda Umno berada dalam kaedah pilihan raya dan meminta ketua-ketua Pemuda bahagian yang baru dipilih supaya menghidupkan pejabat masing-masing dan menggerakkan setiap cawangan.

"Ketua Pemuda negeri yang akan diumumkan kelak perlu menjaga anak buah masing-masing dan bukannya menjadikan jawatan itu sebagai tempat menjadi calon atau mengayakan diri masing-masing," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Hishammuddin berkata Pemuda Umno mensasarkan bilangan anggotanya mencecah satu juta menjelang pilihan raya umum akan datang.

Katanya berdasarkan senarai sedia ada, pergerakan itu mempunyai 850,000 anggota tetapi satu usaha akan dibuat bagi menentukan bilangan keanggotaan yang sebenar.

-- BERNAMA  
MAM AZZ NMO